

**Mursyidul Am PAS sedia rampas kembali Arau
Malaysia Kini.com
8 Februari 2018**

Mursyidul Am PAS, Hashim Jasin akan bertanding pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) sebagai calon parti itu di kerusi Parlimen Arau.

Ini sekali gus bakal menyaksikan pertembungan dengan Datuk Seri Shahidan Kassim sekiranya Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) itu mempertahankan kerusi Parlimen Arau pada pilihan raya nanti.

“Insya-Allah Mursyidul Am PAS akan kembali bertanding di Parlimen Arau,” kata Pesuruhjaya PAS Perlis, Mohd Shukri Ramli yang dipetik sebagai berkata oleh portal *Utusan Malaysia Online*.

Dengan penyertaan PAS itu, sejarah baru juga bakal tercipta di kawasan Parlimen Arau apabila calon BERSATU turut akan bertanding bagi mewakili Pakatan Harapan.

Kali terakhir Hashim bertanding adalah pada 2008 iaitu di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Sanglang.

Beliau berjaya menewaskan calon BN, Abdullah Hassan dengan majoriti 149 undi.

Sebagai rekod, Hashim juga pernah memenangi kerusi Parlimen Arau pada pilihan raya kecil (PRK) 1998 selepas menewaskan calon BN, Datuk Ismail Kassim (kini ADUN Tambun Tulang) dengan majoriti sebanyak 1,323.

Parlimen Arau adalah kawasan traisi di Perlis yang sentiasa menjadi tumpuan khususnya ketika bekas Mursyidul Am PAS, Allahyarham Datuk Haron Din bertanding di kerusi tersebut pada 2004, 2008 dan pilihan raya umum lalu.

Copyright © 1999-2018 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: <https://www.malysiakini.com/news/411533>